

12 APR 2002

Mahathir-Singapura

BANTAHAN MALAYSIA KE SINGAPURA BERASAS, KATA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mempunyai asas dalam membuat bantahan bahawa aktiviti penambakan di Selat Johor oleh Singapura menjejaskan alam sekitar, nelayan tempatan selain melibatkan sempadan.

Perdana Menteri berkata bantahan Malaysia mengenai kerja penambakan itu memang mempunyai asas walaupun Singapura masih tidak bersetuju.

"Kalau dia (Singapura) kata tak berasas, dia kena tunjukkan macam mana dia tahu benda itu tak berasas. Kita berpendapat ianya berasas," katanya kepada pemberita di sini sempena lawatan rasmi seharusnya ke Kelantan hari ini.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong menerusi siaran televisyen Rabu lepas di republik itu mengingatkan Malaysia supaya mengemukakan nota bantahan berhubung isu penambakan laut itu.

Goh berkata Singapura mendapati bantahan Malaysia tidak ada asas.

Ditanya mengenai laporan media bahawa Singapura telah memberi jawapan balas mengenai pakej penyelesaian isu dua hala negara, Dr Mahathir berkata beliau belum menerima jawapan balas berkenaan.

"Yang saya dapat adalah surat Lee Kuan Yew (Menteri Kanan Singapura) yang cuma berkata bahawa surat saya itu mengandungi perkara-perkara yang baru dan mereka perlu mengkaji cadangan-cadangan yang dibuat oleh kita," katanya.

Malaysia dan Singapura sedang berusaha menyelesaikan beberapa isu secara pakej yang merangkumi perjanjian baru bekalan air ke Singapura, pembangunan tanah stesen kereta api milik Malaysia di republik itu dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura.

Dr Mahathir berkata sehingga ini Singapura belum memberikan sebarang maklumat balas terhadap cadangan oleh kerajaan Malaysia.

"Kita buat cadangan lain, dan kita nak respons daripada mereka. Dan kita tak dapat respons lagi," katanya.

Kepada satu soalan lain, Dr Mahathir berkata Malaysia kini mampu mengeluarkan beberapa senjata seperti senapang dan rifel termasuk peluru "secara seratus peratus" bagi keperluan sendiri.

"Sekarang ini kapal terbang kecil pun kita boleh buat. Banyak yang sekarang ini kita perolehi sendiri. Kapal perang pun...setelah dua kapal peronda yang pertama dibuat di Jerman, kita akan buat sendiri di sini.

"Jadi sedikit demi sedikit kita sedang menguasai ilmu dan juga kebolehan, kemampuan untuk mengeluarkan senjata kita sendiri," katanya.

Terdahulu, semasa mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai kerajaan persekutuan di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang meningkatkan keupayaan pertahanan dan persenjataan bagi kepentingan negara menentang musuh.

Katanya kerajaan sedang dalam proses membeli beberapa senjata dan kelengkapan tentera yang moden dari negara-negara asing seperti pembelian kereta kebal dari Poland.

Beliau berkata pembelian itu juga menguntungkan Malaysia bagi jangka panjang kerana negara-negara penjual itu turut bersetuju untuk memindahkan teknologi persenjataan yang mereka miliki kepada negara ini.

Perdana Menteri berkata walaupun pada asasnya kerajaan tidak menyediakan peruntukan tinggi bagi membeli senjata canggih dan moden tetapi pertahanan negara pada masa ini masih boleh dibanggakan dan mampu menangkis serangan musuh.

"Walaupun kita hanya membeli senjata bagi tujuan pertahanan sekadar yang kita mampu, tetapi bak kata orang putih, sekurangnya-kurangnya (kepada) musuh-musuh yang ingin menyerang...kita berjanji, we will give him a bloody nose (kita pastikan dia juga terima akibatnya)," katanya sambil mendapat tepukan gemuruh daripada hadirin.

-- BERNAMA

RAR MAI